

**Perdana Menteri Lancar Projek Perluasan Pelabuhan Kuantan  
Bernama  
7 Sept, 2013**

KUANTAN, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan projek Perluasan Pelabuhan Kuantan (KPE), yang dijangka dapat mengubah kedudukan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebagai destinasi utama pelaburan dan perdagangan.

Najib berkata pelabuhan yang dinaik taraf itu juga akan bertindak sebagai pemangkin untuk mencapai keseluruhan pertumbuhan pelaburan dan pekerjaan bagi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang disasarkan masing-masing pada RM110 bilion dan 220,000 menjelang tahun 2020.

"Dengan perluasan ini, jumlah kendalian Pelabuhan Kuantan dijangka berganda kepada 52 juta tan metrik kargo daripada 26 juta tan sekarang ini.

"Pembinaan pemecah ombak oleh ECERDC telah dimulakan pada April 2013 dan dijadualkan siap pada 2015," katanya pada majlis pelancaran KPE di Pelabuhan Kuantan di sini Sabtu.

Projek itu merupakan projek perkongsian awam-swasta yang melibatkan pembinaan pemecah ombak sepanjang 4.7 kilometer yang baharu, antara yang paling panjang di dunia, menggunakan keadaan teknologi canggih.

"Kerajaan Persekutuan melabur lebih RM1 bilion untuk membina pemecah ombak ini, manakala sektor swasta iaitu IJM Corporation Berhad dan Guangxi Beibu International Port Group (GBIPG) akan melabur RM3 bilion bagi pengorekan, jentera dan peralatan kerja-kerja penambakan serta infrastruktur dalaman," kata beliau.

Perdana Menteri berkata perluasan pelabuhan ini akan membolehkannya menjadi pelabuhan pelbagai guna bertaraf dunia untuk perdagangan serantau di Asean, Timur Jauh dan seluruh Asia Pasifik.

"Pelabuhan Kuantan menawarkan laluan terpendek, terpantas dan paling terus antara Malaysia dan pelabuhan di Timur Jauh. Bagi komuniti perkapalan, ini membawa kepada penjimatan kos yang ketara serta pengurangan dalam masa penghantaran.

"Kita juga boleh menjangka KPE dapat memberi nilai sebenar ECER yang kaya dengan sumber pedalaman dengan menarik lebih banyak pelabur ke rantau ini," kata beliau.

Najib berkata sejak penswastan 12 tahun lepas kepada Kuantan Port Consortium, Pelabuhan Kuantan telah berkembang daripada asalnya enam dermaga kepada 22 dermaga.

"Untuk muncul sebagai hab perdagangan dan logistik bertaraf dunia, Pelabuhan Kuantan perlu menarik dan menampung kapal pengangkut pukal bersaiz Cape dan generasi baru kapal kontena post-Panamax dengan muatan sehingga 200,000 metrik tan," kata beliau.

Najib berkata Pelabuhan Kuantan juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan industri berdekatan, Taman Perindustrian Malaysia-China (MCKIP), taman perindustrian pertama di negara ini yang diberi taraf nasional dan sedang dibangunkan oleh taman sekutu, Taman Perindustrian China-Malaysia Qinzhou di Guanxi, China.

Pada majlis itu, Najib turut menyaksikan pertukaran perjanjian penjualan saham antara Guangxi Beibu Antarabangsa Port Group dan Road Builder (M) Holdings Berhad, anak syarikat IJM Corporation Berhad.

Perdana Menteri juga menyaksikan penyerahan Loji Rawatan Air Panching yang dibina oleh ECERDC untuk kerajaan Pahang.

Loji rawatan air itu akan menghasilkan 160 juta liter air dirawat setiap hari yang akan memenuhi keperluan projek KPE.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975988>